



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

03.05.2024

### ❖ Memajukan Kelestarian: Laluan ke NSRF

Untuk memastikan penyelarasan dengan piawaian pelaporan kelestarian global yang semakin berkembang, Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kelestarian (*Advisory Committee on Sustainability Reporting, ACSR*) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) baru-baru ini mengeluarkan Kertas Perundingan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai terhadap penggabungan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standard, IFRS*) yang berkaitan kelestarian dan iklim iaitu Piawaian IFRS S1 dan S2 oleh Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (*International Sustainability Standards Board, ISSB*) ke dalam Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Kebangsaan (*National Sustainability Reporting Framework, NSRF*) Malaysia.

#### SOROTAN UTAMA

- NSRF akan meningkatkan ketersediaan maklumat yang boleh dipercayai, boleh dibandingkan dan berguna untuk membuat keputusan yang berkaitan peluang dan risiko kelestarian penting syarikat.
- MSWG percaya tempoh pendahuluan selama 12 bulan untuk garis panduan pelaksanaan dan pindaan syarat peraturan adalah munasabah.
- Kami menyokong inisiatif ACSR untuk memberikan mandat kepada NLCos bagi menerima pakai NSRF serta jaminan luaran untuk pendedahan kelestarian.

Menggunakan Piawaian ISSB sebagai piawaian asas, NSRF mensasarkan untuk meningkatkan ketersediaan maklumat yang boleh dipercayai, boleh dibandingkan dan boleh digunakan untuk membuat keputusan yang berkaitan peluang dan risiko kelestarian penting syarikat.

#### Apakah kepentingan piawaian antarabangsa?

Pertama sekali, keputusan untuk menyelaraskan piawaian pelaporan antarabangsa terbit daripada pelbagai faktor, terutamanya peranan pelaburan langsung asing (*foreign direct investments, FDI*) dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia.

FDI memainkan peranan penting dalam memacu perindustrian, pemindahan teknologi dan penciptaan pekerjaan di negara ini. Malaysia berada dalam kedudukan sebagai penerima FDI keempat terbesar di rantau ASEAN, di belakang Singapura dan Indonesia. Usaha mendapatkan FDI menjadi objektif dasar yang konsisten untuk Kerajaan Malaysia, yang melaksanakan pelbagai langkah dan insentif untuk menarik

pelabur asing. Memandangkan kepentingan FDI, penjajaran dengan piawaian pelaporan antarabangsa meningkatkan daya tarikan Malaysia kepada pelabur dan menggalakkan daya saing dalam pasaran global.

Selain itu, penggunaan Piawaian ISSB adalah penting untuk menangani risiko berkaitan iklim, seperti Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon (*Carbon Border Adjustment Mechanism*, CBAM). CBAM dijadualkan untuk dilaksanakan sepenuhnya pada 2026 dan mensasarkan untuk mengenakan harga ke atas pelepasan karbon yang berkaitan dengan pengeluaran barangan intensif karbon yang diimport ke Kesatuan Eropah (EU).

Terdapat pelbagai implikasi CBAM kepada ekonomi. Produk seperti aluminium, besi dan keluli, peralatan elektrik, elektronik, mesin, produk getah dan minyak sayuran, yang merupakan sebahagian besar daripada eksport Malaysia ke EU, akan terkesan oleh CBAM. Dengan mengguna pakai Piawaian ISSB, syarikat Malaysia boleh membangunkan strategi pengurangan karbon yang berkesan dan menangani risiko peralihan berkaitan CBAM.

Tambahan pula, pelaporan maklumat kelestarian yang boleh dipercayai adalah penting untuk menyokong sasaran negara yang digariskan dalam pelan strategik seperti Rancangan Malaysia Ke-12. Ini termasuk komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas*, GHG) sebanyak 45% menjelang 2030 dan mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Untuk mencapai matlamat bercita-cita tinggi ini memerlukan maklumat berkaitan iklim yang mantap.

### **Landskap pelaporan kelestarian semasa dan masa hadapan**

Asas untuk pelaporan kelestarian telah dibentangkan dalam Syarat-syarat Penyenaraian yang diperkenalkan pada Oktober 2015 dan kemudiannya dipertingkatkan pada September 2022. Syarat-syarat pelaporan kelestarian yang sedia ada sebahagian besarnya terpakai kepada penerbit tersenarai dan institusi kewangan dengan penerimgunaan secara sukarela oleh syarikat yang tidak tersenarai.

Syarat-syarat Pelaporan Kestarian yang Dipertingkatkan (*Enhanced Sustainability Reporting Requirements*, ESRR) yang diumumkan pada September 2022 mewajibkan pendedahan maklumat merentas pelbagai tema dan penunjuk yang dianggap penting untuk semua penerbit tersenarai.

Menjelang 2025, penerbit tersenarai di Pasaran Utama perlu mendedahkan risiko dan peluang syarikat yang berkaitan iklim, sejajar dengan cadangan Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (*Task Force on Climate-related Financial Disclosures*, TCFD) dalam penyata kelestarian mereka.

Di samping itu, penerbit tersenarai dalam Pasaran ACE dikehendaki mendedahkan pelan peralihan asas ke arah ekonomi rendah karbon pada tahun 2026.

Melangkah ke hadapan, ACSR sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan penerimgunaan IFRS S1 dan S2 kepada syarikat tersenarai dan syarikat besar yang tidak tersenarai (*non-listed companies*, NLCos) dengan pendapatan tahunan RM2 bilion dan ke atas.

## Komen MSWG terhadap kertas rundingan NSRF yang dicadangkan

MSWG telah dijemput oleh SC untuk mengambil bahagian dalam kertas perundingan NSRF. Mengenai garis masa pelaksanaan, kami percaya bahawa menyediakan masa menunggu selama 12 bulan untuk garis panduan pelaksanaan dan pindaan syarat kawal selia adalah munasabah. Jangka masa ini mengambil kira beberapa faktor:

- (i) Cadangan TCFD sudah pun menjadi sebahagian daripada Syarat-syarat Penyenaian Bursa yang sedia ada dan disertakan dalam IFRS S2.
- (ii) IFRS S2 menggabungkan langkah pelepasan terbina dalam, termasuk pelepasan peralihan.
- (iii) Pelepasan tambahan yang dicadangkan oleh ACSR sejajar dengan garis masa pelaksanaan ESRR di bawah Syarat Penyenaian Bursa.

Selain daripada cadangan penerimgunaan NSRF oleh penerbit tersenarai di Pasaran Utama dan Pasaran ACE, MSWG juga mengulangi inisiatif ACSR bagi memberi mandat kepada NLCos untuk menerima NSRF, memandangkan betapa pentingnya pendedahan berkaitan iklim dalam memupuk daya tahan perniagaan, meningkatkan daya saing serta memudahkan akses kepada pembiayaan untuk syarikat.

Selain itu, MSWG menyokong mandat jaminan luar untuk pendedahan kelestarian, sama ada jaminan terhad atau munasabah. Skop jaminan perlu meliputi pelepasan GHG Skop 1, Skop 2 dan Skop 3, hal-hal berkaitan kelestarian biasa yang digariskan dalam ESRR serta hal-hal berkaitan kelestarian yang menjadi keutamaan syarikat.

Jaminan luar meningkatkan keyakinan pelabur terhadap maklumat yang dilaporkan serta membantu pelabur membuat keputusan termaklum. Ia juga membantu mengurangkan risiko acah hijau (*greenwashing*) yang boleh menjejaskan kredibiliti maklumat kelestarian.

**Oleh Lam Jun Ket  
Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

## Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 6 hingga 10 Mei 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
08.05.24 (Rabu) 09.00 pagi	Dufu Technology Corp. Berhad (AGM)	DUFU merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 25% kepada RM227.8 juta pada tahun kewangan 2023, disebabkan permintaan yang lebih rendah dalam perniagaan berkaitan pemacu cakera keras ( <i>hard disk drive, HDD</i> ).

Tarikh dan masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>Sehubungan itu, keuntungan sebelum cukai merosot 60% kepada RM33.6 juta. Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan melaburkan RM17.75 juta dalam perbelanjaan modal, menambah kepada RM83.55 juta yang telah dibelanjakan pada tahun kewangan 2021-2022. Kumpulan menjangkakan unjuran pendapatan untuk HDD pada separuh pertama 2024 akan meningkat secara beransur-ansur berbanding separuh kedua 2023.</p>
<p>08.05.24 (Rabu) 09.30 pagi</p>	<p>British American Tobacco (Malaysia) Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM2.31 bilion dan RM195 juta, mewakili penurunan sebanyak 11% dan 26%, berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang lebih rendah sebahagian besarnya disebabkan oleh volum industri yang lebih rendah dalam produk rokok tradisional, didorong oleh peningkatan penggunaan vape serta tembakau pasaran gelap yang masih berterusan. Pada tahun 2023, Kumpulan mengembangkan perniagaannya ke dalam kategori vape. BAT melabur untuk membangun kelayakan dan keterlihatan jenama, yang menghasilkan margin keuntungan bersih yang lebih rendah.</p>
<p>08.05.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>MISC Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan MISC yang berjumlah RM14.27 bilion pada tahun kewangan 2023 adalah 2.9% lebih tinggi daripada pendapatan tahun kewangan 2022 yang berjumlah RM13.87 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada projek baharu dan yang sedang dijalankan dalam segmen Kejuruteraan Berat dan Marin, ditambah dengan kadar tambang yang bertambah baik dalam segmen Penghantaran Produk dan Petroleum serta segmen Penyelesaian dan Aset Gas.</p>

Tarikh dan masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM2.0 bilion pada tahun kewangan 2023, meningkat 11.7% daripada RM1.87 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh bahagian keuntungan yang lebih tinggi daripada usaha sama serta caj rosot nilai yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.</p>
<p>08.05.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Public Bank Berhad (AGM)</p>	<p>Public Bank mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi bagi tahun kewangan 2023, berjumlah RM6.65 bilion. Oleh itu, Bank terus mengekalkan kedudukan utama dengan pulangan bersih ke atas ekuiti sebanyak 13.0% dan nisbah kos kepada pendapatan yang cekap sebanyak 33.7%.</p> <p>Bersandarkan prestasi yang berdaya tahan, Bank mengisytiharkan dividen sebanyak 19.0 sen, dengan jumlah pembayaran dividen bersamaan RM3.69 bilion untuk tahun kewangan 2023.</p>
<p>08.05.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Technodex Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini diadakan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengurangan modal saham terbitan Technodex Bhd. menurut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016. Cadangan itu bertujuan mengurangkan kerugian terkumpul Syarikat melalui pembatalan modal saham terbitannya.</p>
<p>10.05.24 (Jumaat) 09.30 pagi</p>	<p>RHB Bank Berhad (AGM)</p>	<p>Keuntungan bersih RHB mencatatkan peningkatan 4.8% tahun ke tahun kepada RM2.8 bilion untuk tahun kewangan 2023, disokong oleh pertumbuhan dalam pendapatan yang bukan berasaskan dana serta jangkakan kerugian kredit (<i>expected credit loss</i>, ECL) yang lebih rendah. ECL menyusut 28.4% tahun ke tahun kepada RM301.5 juta terutamanya disebabkan oleh tindanan pengurusan yang dimasuk kira semula.</p>

Tarikh dan masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		Bank mengekalkan pembayaran dividen yang tetap dengan pengagihan sebanyak 40 sen sesaham.

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Dufu Technology Corp. Berhad (AGM)	Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ( <i>Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG</i> ) menetapkan bahawa 30% daripada Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada wanita. Sehingga tahun kewangan 2023, hanya terdapat seorang pengarah wanita daripada enam pengarah dalam Lembaga Pengarah. Apakah langkah yang diambil untuk mencapai 30% perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah seperti yang digariskan oleh MCCG? Apakah rancangan dan strategi khusus yang disediakan oleh Lembaga Pengarah untuk mencapai matlamat ini?
British American Tobacco (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>2023 merupakan tahun yang benar-benar mencabar untuk BAT Malaysia di sebalik halangan ekonomi yang kuat serta tekanan inflasi berterusan yang mengurangkan pendapatan boleh guna pengguna. Ini seterusnya memaksa pengguna menurunkan taraf atau memilih produk nikotin alternatif seperti vape. Sementara itu, BAT Malaysia telah mengenal pasti bahawa “pengurangan pasaran yang cepat terhadap rokok tradisional serta pemilihan produk alternatif yang lebih murah” sebagai salah satu risiko utama yang dihadapi oleh BAT Malaysia (Halaman 15 &amp; 35, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Pendapatan BAT Malaysia sebahagian besarnya diperoleh daripada jualan rokok tembakau. Bagaimanapun, pendapatan itu menyusut dengan ketara daripada RM4.6 bilion pada tahun kewangan 2015 kepada RM2.3 bilion pada tahun kewangan 2023, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan bahagian pasaran rokok haram di Malaysia. Pulangan bersih daripada dana pemegang saham juga merudum daripada 166% pada tahun kewangan 2015 kepada 52% pada tahun kewangan 2023 (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023 dan Halaman 3, Laporan Tahunan 2015).</p> <p>a) Apakah rancangan dan langkah pencegahan oleh Kumpulan untuk menangani risiko pengurangan pasaran terhadap rokok tradisional yang dipercepat serta pemilihan produk alternatif yang lebih murah, bagi mengelakkan penurunan selanjutnya dalam</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>pulangan pemegang saham serta bahagian pasaran Kumpulan secara keseluruhan?</p> <p>b) Sila berikan data penyelidikan pasaran mengenai bahagian pasaran semasa BAT Malaysia serta bilangan pengguna produk rokok tradisional dan vape di Malaysia. Untuk dipertimbangkan, pendedahan data berhubung bahagian pasaran produk rokok tradisional dan vape dalam laporan tahunan bagi memberikan gambaran yang lebih mendalam kepada para pemegang saham.</p> <p>c) Kategori kumpulan pelanggan yang manakah telah menukar pilihan mereka daripada produk rokok tradisional kepada produk vape?</p> <p>1. Memupuk ekonomi kitaran menjadi keutamaan BAT Malaysia dan syarikat telah menumpukan perhatian mereka kepada meningkatkan kebolehteraan semula pembungkusan produk serta melaksanakan Skim Pemulangan untuk peranti Kategori Baharu. (Halaman 57, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah pendekatan sedia ada untuk melupuskan peranti Kategori Baharu yang dikumpul daripada Skim Pemulangan bagi memastikan pencemaran alam sekitar di tahap minimum? Bolehkah sisa peranti itu digunakan dalam pengeluaran peranti baharu?</p> <p>b) Adakah BAT Malaysia akan mempertimbangkan pemberian insentif kepada pelanggan mereka bagi menggalakkan penyertaan dalam Skim Pemulangan ini?</p>
MISC Berhad (AGM)	<p>Pendapatan segmen Kejuruteraan Berat dan Marin yang berjumlah RM3,309.2 juta adalah RM1,657.6 juta atau lebih 100% lebih tinggi daripada pendapatan tahun sebelumnya yang berjumlah RM1,651.6 juta. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada projek baharu dan yang sedang berjalan untuk subsegmen Kejuruteraan Berat. Segmen tersebut mencatatkan kerugian operasi berjumlah RM467.7 juta berbanding keuntungan operasi sebanyak RM60.8 juta pada tahun sebelumnya, sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan kos tambahan yang berpunca daripada penyemakan semula jadual untuk projek kejuruteraan berat yang sedang dijalankan pada tahun tersebut. (Halaman 110, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>Bagaimanakah peruntukan kos tambahan daripada penyemakan semula jadual itu boleh menyebabkan peningkatan kepada magnitud sedemikian, yang menyebabkan segmen itu merekodkan kerugian operasi? Apakah prospek segmen itu untuk 2024?</p>
Public Bank Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Operasi &amp; Kewangan</u></p> <p>Peminjaman PKS, pemacu pertumbuhan pinjaman utama untuk Public Bank, meningkat sedikit sebanyak 1% tahun ke tahun pada tahun kewangan 2023 kepada RM67.87 bilion, yang merangkumi 18.2% daripada portfolio pinjaman domestik Kumpulan. Sebagai perbandingan, Public Bank melaporkan pertumbuhan sebanyak 5.9% dalam keseluruhan pinjaman pada tahun kewangan 2023.</p> <p>a) Selain itu, bank terbesar di Malaysia mengikut permodalan pasaran ini melaporkan pertumbuhan pinjaman PKS sebanyak 9% tahun ke tahun pada tahun kewangan 2023. Buku pinjaman PKS bank berjumlah RM36.3 bilion pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Adakah pertumbuhan pinjaman PKS satu digit yang rendah yang direkodkan oleh Public Bank ini disebabkan oleh kesan asas yang tinggi? Mengapakah segmen pinjaman PKS Bank mencatatkan pertumbuhan yang perlahan berbanding rakan-rakan setara serta pertumbuhan pinjaman keseluruhan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Sebaliknya, Public Bank mencatatkan bahagian pasaran yang lebih rendah sebanyak 17.9% dalam peminjaman PKS berbanding 18.6% dan 21.6% pada tahun-tahun sebelumnya. Apakah yang dimaksudkan oleh bahagian pasaran yang semakin berkurangan? Adakah ini bermakna produk PKS Bank secara beransur-ansur kehilangan daya tarikan dalam kalangan pelanggan PKS? Apakah sasaran pertumbuhan pinjaman untuk segmen ini pada tahun kewangan 2024?</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>Atas saranan Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Lembaga Pengarah telah melantik perunding luar bebas untuk menjalankan penilaian terhadap Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah secara individu</p>



**Perkara penting:**

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>bagi tahun kewangan 2023 (halaman 40, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>a) Apakah bidang utama yang dinilai oleh pakar bebas sewaktu menjalankan semakan Penilaian Keberkesanan Lembaga (<i>Board Effectiveness Evaluation, BEE</i>)? Secara purata, bagaimanakah markah Ahli Lembaga dalam bidang masing-masing?</p> <p>b) Berdasarkan hasil pelaksanaan BEE, Public Bank menyebut bahawa "terdapat peluang untuk meningkatkan konfigurasi Bilik Lembaga, terutamanya dengan memperkukuh kepakaran digital dan peningkatan kemahiran dalam aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) di peringkat Lembaga" (Halaman 285, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>Bagaimanakah prestasi Lembaga dari segi kepakaran digital dan hal-hal berkaitan ESG? Apakah yang perlu dilakukan oleh Lembaga untuk meningkatkan kemahiran yang berkaitan dalam kalangan ahli lembaga? Apakah rancangan dan langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan kemahiran ahli lembaga dalam aspek ini?</p> <p>c) Kami maklum bahawa Public Bank telah menggabungkan perkara berkaitan kemampuan dalam penilaian ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan (Halaman 21, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>i) Sila berikan senarai petunjuk prestasi utama (<i>Key Performance Indicator, KPI</i>) ESG kuantitatif yang dirangkumkan dalam penilaian ketua-ketua pegawai (C-Suites) pada tahun kewangan 2023. Bagaimanakah prestasi pengurusan kanan berhubung KPI ini?</p> <p>ii) Apakah wajar untuk KPI ESG (mengikut peratusan) berbanding metrik operasi dan kewangan dalam penilaian prestasi keseluruhan Lembaga dan pengurusan kanan?</p> <p>iii) Melangkah ke hadapan, apakah hal-hal kemampuan yang berkait rapat dengan operasi Bank yang memerlukan lebih tumpuan dan perhatian daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan?</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
RHB Bank Berhad (AGM)	<p>Pada akhir tahun kewangan 2023, nisbah perlindungan kerugian pinjaman (<i>loan loss coverage, LLC</i>) Kumpulan, tidak termasuk rizab kawal selia, susut kepada 71.7% daripada 112.8% pada tahun sebelumnya. Nisbah ini yang menjadi petunjuk kepada keupayaan bank untuk menyerap potensi kerugian daripada pinjaman tidak berbayar, juga berada di bawah paras prapandemik iaitu kira-kira 85%.</p> <p>Secara umum, bank Malaysia merekodkan nisbah LLC pada kira-kira 100% (tidak termasuk rizab kawal selia) atau melebihi 150% untuk bank tertentu.</p> <p>Kebimbangan terhadap peratus LLC yang rendah berpunca daripada sama ada Kumpulan sudah menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk sebarang potensi kerugian pinjaman pada masa hadapan serta keupayaan bank untuk menyerap sebarang peningkatan jangka pendek dalam nisbah pinjaman terjejas kasar (<i>gross impaired loans, GIL</i>).</p> <p>a) Peruntukan untuk kerugian kredit RHB ke atas aset kewangan adalah lebih rendah iaitu RM301.53 juta berbanding RM421.18 juta (halaman 9, Laporan Kewangan 2023). Bank boleh menyokong LLC mereka dengan menyediakan peruntukan yang lebih tinggi untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (<i>loans, advances and financing, LAF</i>) yang terjejas.</p> <p>Mengapakah RHB tidak memperuntukkan elauan yang lebih tinggi untuk LAF pada tahun kewangan 2023 bagi memastikan LLC setara dengan tahap industri? Sila terangkan kepada pemegang saham tentang kualiti aset RHB pada tahun kewangan 2024.</p> <p>b) <i>The Edge Malaysia Weekly</i> melaporkan bahawa pengurusan RHB menjangkakan LLC akan meningkat kepada sekitar 100% selepas mereka menstruktur semula pinjaman korporat tertentu.</p> <p>(Sumber: <i>RHB Bank's low LLC ratio a point of discomfort for some analysts, The Edge Malaysia Weekly</i> pada 4 Disember 2023 – 10 December 2023)</p> <p>i) Apakah saiz pinjaman korporat, aktiviti perniagaan pelanggan, negara operasi dan industri yang terlibat?</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>ii) Apakah yang menyebabkan rosot nilai ke atas pinjaman ini? Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula pinjaman sebelum Kumpulan membuat peruntukan rosot nilai?</p> <p>iii) Bagaimanakah RHB Bank menstruktur semula akaun tersebut dan apakah tahap kemajuan penstrukturan semula? Pada akhirnya, apakah LLC optimum yang disasarkan oleh Bank?</p> <p>c) Apakah kesannya terhadap kos kredit RHB? Sila berikan panduan pengurusan tentang kos kredit bersih untuk tahun kewangan 2024.</p>

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif ([ismet@mswg.org.my](mailto:ismet@mswg.org.my))  
 Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat

*perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*